

PENGURUSAN PENDAPATAN TIDAK PATUH SYARIAH DI BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD

Muhamad Fadli Abdullah

Azizi Che Seman

Universiti Malaya

ABSTRAK

Pendapatan tidak patuh Syariah merupakan istilah baharu dalam kontek sistem kewangan dan perbankan Islam di Malaysia. Pendapatan tidak patuh Syariah merujuk kepada apa-apa jenis harta yang diperolehi hasil daripada transaksi yang bertentangan dengan syariat Islam seperti riba, judi dan rasuah, atau kerana percampuran antara aktiviti yang dibenarkan oleh syarak dengan yang sebaliknya. Sesuatu isu Syariah yang dilaporkan akan melalui beberapa proses sebelum ianya disahkan sebagai tidak patuh Syariah sebenar atau sebaliknya oleh Jawatankuasa Syariah Institusi Kewangan Islam (IKI). Sekiranya isu yang dilapor dan disahkan sebagai tidak patuh Syariah yang sebenar oleh Jawatankuasa Syariah serta melibatkan kerugian kewangan, IKI perlu menyalurkan pendapatan tersebut kepada badan-badan kebajikan untuk kegunaan umum. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kaedah pelaporan, kejadian, pendapatan serta pengurusan pendapatan tidak patuh Syariah di Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB). Data kajian diperolehi daripada sumber primer seperti wawancara dengan pegawai BMMB. Di samping itu, dokumen polisi Bank Negara Malaysia (BNM) turut digunakan sebagai garis panduan utama yang menjadi penanda aras dalam menentukan sesuatu kejadian tidak patuh Syariah.

Kata Kunci: Pendapatan tidak patuh Syariah, kejadian tidak patuh Syariah, Bank Muamalat Malaysia Berhad.

MANAGEMENT OF SHARIAH NON-COMPLIANCE INCOME IN BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD

ABSTRACT

Shariah non-compliance is a new term in the context of the Islamic financial and banking system in Malaysia. Shariah non-compliant income refers to any kind of property acquired as a result of transactions contrary to Islamic law such as usury, gambling and corruption, or because of the mixing of activities permitted by the law and otherwise. Any issue of shariah that is reported will go through several processes before it is confirmed as a non-Shariah compliant or otherwise by the Islamic Financial Institution (IFI) Shariah Committee. If any issues that are reported and later confirmed as Shariah non-compliant by the Shariah Committee and the issues involve financial losses, IFI should channel such income to welfare agencies for general use. This study aims to investigate the reporting method, incident, income and management of non-compliant Shariah earnings at Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB). Research data is obtained primarily from primary data such as interviews with BMMB officers. In addition to that, BNM policy documents were used as the main guideline that serves as a benchmark in determining whether an issue is a Shariah non-compliant issue.

Keywords: *Shariah non-compliant income, Shariah non-compliant event, Bank Muamalat Malaysia Berhad.*

PENDAHULUAN

Perkembangan dan pertumbuhan industri kewangan dan perbankan Islam di Malaysia khususnya telah menunjukkan tahap perkembangan yang positif sejak 40 tahun yang lepas. Ini dapat disaksikan dengan nilai aset keseluruhan industri ini mencecah 50 peratus perkongsian pasaran jika dibandingkan dengan industri kewangan dan perbankan konvensional. Pertumbuhan ini adalah dipacu oleh permintaan kukuh terhadap produk dan perkhidmatan kewangan dan perbankan Islam oleh masyarakat di Malaysia tanpa mengira bangsa dan agama.

Dengan penawaran produk setaraf produk-produk konvensional malah lebih baik daripada itu, mendorong pelanggan terus setia untuk menyokong sistem ini selain daripada sistem ini mengamalkan ciri-ciri perniagaan patuh Syariah bagi memastikan pelanggan bebas daripada sistem riba yang diharamkan.

Walaupun IKI menjalankan perniagaan patuh Syariah, namun dalam keadaan-keadaan tertentu kejadian-kejadian ketidakpatuhan Syariah mungkin boleh berlaku disebabkan oleh kegagalan mematuhi piawaian atau keputusan yang telah ditetapkan oleh pihak berautoriti sama ada Jawatankuasa Syariah dalaman IKI ataupun pihak penyelia (*regulator*) iaitu Bank Negara Malaysia (BNM).

Selaras dengan perkembangan terkini industri kewangan dan perbankan Islam BNM telah mengeluarkan satu polisi iaitu *Operational Risk Reporting Requirement - Operational Risk Integrated Online Network* (ORION) yang mana polisi tersebut telah dikuatkuasakan pada 22 September 2014. Tujuan polisi ini dikeluarkan adalah bagi memastikan IKI melaporkan setiap kejadian-kejadian tidak patuh Syariah sama ada kejadian berpotensi atau kejadian sebenar kepada BNM mengikut kaedah-kaedah yang telah ditetapkan¹.

Dalam Islam, seorang Muslim tidak seharusnya memasuki sebarang transaksi yang melanggar hukum dan prinsip Syariah. Walau bagaimanapun, sekiranya seseorang melanggar batas sempadan prinsip Syariah yang ditetapkan, maka *syara'* mengharuskan orang Islam untuk bertaubat dan membetulkan kesalahan-kesalahannya dengan segera.

Dalam transaksi kewangan atau urusan perniagaan, bertaubat sahaja adalah tidak mencukupi jika seseorang masih memiliki aset atau pendapatan yang tidak sah atau haram. Adalah penting bahawa mana-mana kontrak yang diputuskan sebagai tidak sah akan menjalani proses pembetulan atau pembersihan (*cleansing*) dengan segera. Walau bagaimanapun, proses pembetulan dan pembersihan bagi sesuatu isu mungkin berbeza, bergantung kepada sebab-sebab akad tersebut menjadi tidak sah. Sesetengah kontrak yang dikategorikan sebagai tidak sah boleh dimeterai semula dan pendapatan yang diperolehi akan disucikan dengan menyalurkan semua wang yang tidak patuh Syariah bagi kegunaan masalah umum dan dalam beberapa kes mungkin pendapatan tersebut dikembalikan kepada pemilik asal. Terdapat juga dalam keadaan tertentu, pembetulan boleh dibuat tanpa perlu menyalurkan semua pendapatan bagi kegunaan umum atau kepada pemilik asal.

Di Malaysia, badan-badan berautoriti seperti Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Agama Islam, Majlis Penasihat Syariah serta Jawatankuasa Syariah di peringkat IKI dan badan-badan berautoriti yang lain juga mempunyai kaedah dan pandangan yang berbeza dalam hal mengurus dan melupuskan harta tidak patuh Syariah. Walau bagaimanapun, perbezaan tersebut tidak begitu ketara antara satu sama lain dan pihak-pihak yang terlibat boleh mengambil mana-mana pandangan mengikut kesesuaian.

Bagi IKI yang dikawal selia oleh BNM, setiap kejadian sama ada tidak patuh Syariah sebenar atau berpotensi tidak patuh Syariah perlu dilaporkan terlebih dahulu kepada Jawatankuasa Syariah sebelum kejadian tersebut disahkan sama ada benar-benar tidak patuh Syariah atau sebaliknya.

¹ Bank Negara Malaysia. (2014). *Operational Risk Reporting Requirement - Operational Risk Integrated Online Network*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia,

Sekiranya kejadian tersebut disahkan tidak patuh Syariah dan melibatkan proses penyucian (*cleansing process*) pendapatan maka tindakan yang perlu diambil adalah dengan menguruskan pendapatan tersebut mengikut kaedah-kaedah dan pelaporan yang telah ditetapkan polisi yang telah dikeluarkan oleh BNM. Oleh yang demikian, artikel ini akan mengkaji dengan lebih lanjut berkenaan kaedah pelaporan, kejadian, pendapatan serta pengurusan pendapatan tidak patuh Syariah di salah sebuah institusi kewangan Islam penuh (*full fledged*) iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini disediakan adalah untuk memenuhi objektif seperti mengkaji konsep pendapatan tidak patuh Syariah dalam muamalat Islam. Kedua, mengenalpasti jenis-jenis pendapatan dan kejadian tidak patuh Syariah dalam sistem perbankan Islam. Kajian ini juga dijalankan untuk menganalisa kaedah pelaporan kejadian tidak patuh Syariah dan kaedah pengurusan pendapatan tidak patuh Syariah di BMMB.

METODOLOGI

Bagi menyempurnakan kajian ini, penulis telah mengkategorikan rangkanya kepada dua peringkat tugas dasar, iaitu peringkat pengumpulan data dan peringkat analisa data.

Peringkat Pengumpulan Data

Penyelidikan Perpustakaan

Kaedah ini merupakan kaedah asas yang digunakan untuk mengumpul maklumat dan data-data yang berkaitan dengan penyelidikan. Bahan-bahan rujukan yang terlibat dalam kaedah ini ialah kitab-kitab *fiqh* yang tradisional dan juga yang kontemporari, keputusan atau fatwa-fatwa yang dikeluarkan, sama ada oleh Jawatankuasa Syariah BMMB, Majlis Penasihat Penasihat (MPS) Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti (SS) atau diperingkat antarabangsa iaitu Akademi *Fiqh* Islam Sedunia. Selain itu, penulis juga membuat rujukan kepada artikel, jurnal, majalah dan akhbar yang mempunyai kaitan dengan kajian yang dibuat.

Temubual

Sesi temubual dilakukan bersama pihak-pihak yang berkaitan dengan kajian yang dibuat. Temubual yang dilakukan adalah bertujuan untuk mengetahui pelaporan kejadian tidak patuh Syariah, sumber-sumber pendapatan tidak patuh Syariah serta kaedah pengurusannya di BMMB. Kaedah ini akan membantu penulis untuk mendapatkan gambaran secara terperinci terhadap subjek kajian. Penulis telah menyediakan satu set soal selidik seterusnya membuat temubual bersama pegawai-pegawai di pelbagai jabatan bagi mengetahui dengan lebih lanjut berkenaan proses pelaporan dan pendapatan tidak patuh Syariah di BMMB.

Melayari internet

Selain daripada itu, penulis juga akan melayari beberapa laman-laman sesawang untuk mengkaji artikel-artikel, jurnal-jurnal, keratan-keratan akhbar, fatwa-fatwa semasa dan maklumat sesebuah organisasi yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan.

Peringkat Analisa Data

Dalam rangka menyusun dan menganalisa data yang diperolehi, penulis akan menggunakan dua metode utama seperti:

Metode Induktif

Dalam Bahasa Arab, metode ini dikenali sebagai *al-manhaj al-istidlali*. Tujuan metode ini adalah untuk membuktikan bahawa *syari'at* Islam melalui beberapa dalil al-Qur'an dan al-Sunnah telah menetapkan perundangan dalam hal yang berkaitan pengurusan harta dalam Islam. Penulis akan meneliti hujah-hujah yang diberikan oleh fuqaha dalam menetapkan hukum dan pandangan yang berkaitan.

Metode Komparatif

Di samping metode di atas, penulis juga menggunakan metode komparatif untuk membuat kesimpulan dengan membuat analisa perbandingan di antara praktis semasa pengurusan pendapatan tidak patuh Syariah dibangkitkan di BMMB, serta garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak pengawal selia iaitu Bank Negara Malaysia. Analisa perbandingan ini penting untuk mengetahui sejauhmana praktis semasa kaedah pengurusan dan pelaporan dilaksanakan menepati garis panduan yang telah ditetapkan.

KAJIAN LEPAS

Setiap pendapatan yang disahkan sebagai tidak patuh Syariah oleh Jawatankuasa Syariah IKI, pendapatan tersebut perlu dilapor dan diuruskan mengikut garis panduan atau polisi yang dikeluarkan oleh pihak yang berautoriti seperti BNM, Majlis Agama Islam Negeri atau badan-badan yang diiktiraf yang lain. Menurut Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradawi (2012), sesuatu yang haram itu tidak boleh dimiliki sebaliknya ia menjadi milik masalah umum seperti dibelanjakan kepada perkara-perkara kebajikan seperti membantu anak-anak yatim, perkembangan dakwah Islam, pembinaan masjid dan pusat Islam, penyediaan para pendakwah, penerbitan kitab-kitab agama dan seumpamanya yang bersifat kebajikan.

Zaharuddin Abdul Rahman (2009), menyatakan bahawa sekiranya harta yang diperolehi daripada sumber haram dan diketahui pemiliknya, cara untuk melupuskan adalah dengan mengembalikan harta tersebut kepada pemiliknya serta meminta maaf dan bertaubat kepada Allah SWT. Syeikh 'Atiyah Saqar (bekas Ketua Lajnah Fatwa Al-Azhar) berkata, harta haram wajib dilupuskan ketika bertaubat dengan cara berikut:

- i. Memulangkan kembali harta itu kepada tuannya (apabila diketahui) ataupun kepada warisnya;
- ii. Apabila tidak diketahui, perlu diserahkan kepada fakir bagi memisahkan diri daripadanya dan bukannya bagi meraih pahala (daripada serahan itu).

Sementara itu, Imam al-Ghazali (2004) melarang membinasakan harta. Begitu juga pandangan yang diutarakan oleh Dr. Yusuf al-Qaradawi (1993) berkaitan harta riba dimana beliau melarang meninggalkan wang di dalam akaun Bank Konvensional yang berlandaskan sistem ribawi. Hal ini kerana, meninggalkan wang tersebut di dalam Bank berkenaan mampu mengukuhkan lagi Bank Konvensional yang jelas haram. Asyraf, Mahbubi & Lokmanulhakim (2012) pula berpandangan proses pembedahan dan penyucian harta mungkin berbeza bergantung kepada sumber dan senario sesuatu kejadian tidak patuh Syariah yang dilaporkan. Beliau menjelaskan sesetengah pendapatan yang disahkan sebagai tidak patuh Syariah perlu disucikan dengan menyalurkan semua pendapatan tersebut bagi tujuan masalah dan dalam kes-kes tertentu pendapatan tersebut perlu diserahkan kembali kepada pemilik asal. Dalam sesetengah keadaan, pembedahan boleh dibuat tanpa perlu menyalurkan semua pendapatan untuk kegunaan masalah atau pemilik asal.

Seterusnya, Saidatolakma, Sayed Sikandar et al. (2017) dalam jurnalnya menjelaskan antara kejadian-kejadian tidak patuh Syariah yang berlaku adalah disebabkan oleh produk tidak mematuhi keperluan Syariah, deposit daripada sumber yang meragukan dan tidak patuh Syariah, dokumentasi undang-undang tidak lengkap, operasi perniagaan tidak patuh Syariah dan penerimaan faedah daripada bank konvensional. Selain itu, beliau turut menjelaskan IKI turut akan menjana pendapatan tidak patuh Syariah sekiranya IKI terlibat dalam perkara-perkara berikut: ketidaksempurnaan kontrak, tidak memenuhi syarat-syarat kontrak yang ditetapkan dan penyisipan syarat-syarat yang tidak patuh Syariah dalam kontrak. Walau bagaimanapun, bagi pendedahan maklumat kejadian dan pendapatan tidak patuh Syariah, Romzie, Anna dan Siti Noraini (2017) membuat kesimpulan dalam jurnalnya kebanyakan IKI di Malaysia membuat pendedahan maklumat yang telus dan konsisten dalam melaporkan sebarang kejadian dan pendapatan tidak patuh Syariah dalam Laporan Kewangan tahunan. Hal ini membolehkan orang ramai dapat mengetahui status kejadian dan jumlah pendapatan tidak patuh Syariah di setiap IKI tanpa ragu-ragu.

KONSEP HARTA HARAM ATAU TIDAK PATUH SYARIAH DALAM MUAMALAT ISLAM

Konsep harta haram mempunyai maksud yang pelbagai mengikut pandangan ulama' dan fuqaha silam. Seperti yang ditakrifkan oleh Imam al-Ghazali Rahimahullah, harta haram adalah bermaksud harta yang diperoleh dengan cara haram, iaitu melalui kecurian, riba, sekatan, perjudian, dan lain-lain².

Sementara itu, Ibn Qayyim Rahimahullah mengatakan: “Sebuah akad yang tidak mengandungi unsur *gharar*, riba dan *z'bulm* tidak mungkin diharamkan *syari'at*”³. Ibnu Uthaimin Rahimahullah juga mengatakan, faktor penyebab muamalat diharamkan adalah riba, *z'bulm* dan *gharar*⁴.

Dr. Muhammad Nu'aim Yasin pula mentakrifkan harta haram sebagai harta yang diharamkan *syara'* ke atas orang yang mendapatkannya untuk mengambil manfaat daripadanya dari setiap sudut⁵.

Manakala Dr. 'Abbas Muhammad al-Baz pula memberikan definisi bagi harta yang haram dengan berkata: “Setiap sesuatu yang *syara'* haramkan ke atas seorang muslim untuk memilikinya serta mengambil manfaat dengannya adalah merupakan harta yang haram”⁶.

Imam Syafi'i, secara terperinci telah memberikan pandangan bahawa Syariah telah melarang lapan perkara pokok iaitu riba, *gharar*, perjudian, penipuan, rampasan, *ibtikar* (Monopoli Barangan Keperluan Asasi Manusia), rasuah dan perniagaan barang-barang yang tidak patuh Syariah dan mendatangkan kemudharatan seperti arak, babi, bangkai, makanan yang memudaratkan, hasil penjualan anjing, pendapatan daripada pelacuran dan seupamanya.

Dr. Yusuf al-Qaradawi mendefinisikan haram itu sebagai suatu perkara yang dilarang oleh *syari'at* dari melakukannya dengan pasti yakni tidak boleh berubah. Sesiapa yang melanggar larangan itu akan mendapat seksaan Allah SWT di hari akhirat dan ada kalanya seksaan itu telah pun diterima di dunia lagi⁷.

² Al-Bāz, A. (2004). *Aḥkām al-Māl al-Ḥarām wa Dhawābitu al-Intifa' wa at-Tasharruf bihi fī al-Fiqh al-Islāmī*. Urdun: Dār Nafāis, 34.

³ Al-Jauziyyah. (1423h). *I'lām al-Muwaqqi'in 'an Rab al-'Alamīn*. Arab Saudi: Dār Ibn Jauzi, cet. 1, jil. 3, 331.

⁴ Al-Utsaimin, M., S. (1425h). *Al-Syarḥ al-Mumtī'*. Arab Saudi: Dār Ibn Jauzi, jil. 9, 5.

⁵ Yasīn, N. (2016). *Qaḍāya Zakawīyah Mubāḍarab*. Urdun: Dār Nafāis, 11.

⁶ Al-Bāz, A, *op. cit*, 40.

⁷ Al-Qaradāwī, Y. (2012). *Al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fī al-Islām*. Cet. 1. Mesir: Dār al-Kutub al-Misriyyah, 16

Manual Pengurusan Harta *Shubbah* mendefinisikan harta tidak patuh Syariah bermaksud sebarang bentuk pendapatan atau perolehan hasil daripada perbuatan atau transaksi yang bertentangan dengan syariat Islam. Perkara ini boleh berlaku sama ada hasil daripada aktiviti yang bertentangan dengan *syara'* itu sendiri seperti riba dan judi atau kerana bercampur aduk antara aktiviti yang dibenarkan oleh *syara'* dengan yang tidak dibenarkan. Dalam konteks ini, harta itu sendiri pada asalnya adalah halal tetapi hukumnya berubah kepada tidak patuh Syariah kerana cara perolehannya adalah bertentangan dengan *syara'*⁸.

Sementara itu, menurut Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, sesebuah syarikat diklasifikasikan sebagai sekuriti tidak patuh Syariah sekiranya aktiviti utama syarikat itu bertentangan dengan *syara'*. Antara aktiviti-aktiviti yang bertentangan *syara'* adalah seperti berikut⁹:

- i. Perkhidmatan kewangan yang berteraskan *riba*;
- ii. Insurans konvensional;
- iii. Pembrokeran atau jual beli sekuriti tidak patuh Syariah;
- iv. Perjudian atau pertaruhan,
- v. Pengeluaran atau penjualan barangan yang tidak halal atau barangan yang berkaitan;
- vi. Aktiviti hiburan yang tidak selaras dengan *syara'*;
- vii. Pengeluaran atau penjualan barangan yang berasaskan tembakau atau barangan yang berkaitan; dan
- viii. Aktiviti lain yang didapati tidak selaras dengan *syara'*.

Berdasarkan kepada definisi-definisi di atas, maka boleh disimpulkan bahawa harta tidak patuh Syariah adalah merujuk kepada apa-apa jenis harta yang diperolehi hasil daripada transaksi yang bertentangan dengan *syari'at* Islam seperti riba, *gharar*, judi dan rasuah, atau kerana campur aduk antara aktiviti yang dibenarkan oleh *syara'* dengan yang sebaliknya.

FUNGSI ORGAN-ORGAN SYARIAH DALAM MELAPORKAN KEJADIAN KEJADIAN TIDAK PATUH SYARIAH

BNM dalam Rangka kerja Tadbir urus Syariah (*Shariah Governance Framework*) yang dikeluarkan pada tahun 2011 menggariskan bahawa setiap IKI di Malaysia perlu mewujudkan empat organ Syariah iaitu Audit Syariah, Penilaian Syariah, Penyelidikan Syariah dan Pengurusan Risiko Syariah.¹⁰ Di BMMB, keempat-empat fungsi tersebut telahpun ditubuhkan bagi memenuhi keperluan rangkakerja tersebut dan keempat-empat organ mempunyai bidang kerja yang berbeza dan keseluruhan aktiviti yang dijalankan oleh unit-unit tersebut perlu dilaporkan kepada Jawatankuasa Syariah.

Fungsi utama keempat-empat organ Syariah yang digariskan oleh BNM adalah seperti di dalam **Jadual 1:**

⁸ Jabatan Wakaf Zakat dan Haji. (2009). Manual Pengurusan Harta Syubhah. Putrajaya: JAWHAR, 4-5.

⁹ Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2017). Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 3-4.

¹⁰ Bank Negara Malaysia. (2011). *Shari'ah Governance Framework for Islamic Finance*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 8.


Jadual 1: Fungsi utama organ-organ Syariah¹¹

Organ Syariah	Keterangan
Penilaian Syariah	Merujuk kepada fungsi penilaian yang kerap ke atas pematuhan Syariah dalam aktiviti dan operasi IKI oleh pegawai Syariah yang berkelayakan, dengan objektif untuk memastikan aktiviti dan operasi yang dijalankan oleh IKI tidak bertentangan dengan Syariah.
Audit Syariah	Merujuk kepada penilaian berkala yang dijalankan dari semasa ke semasa, untuk memberi penilaian bebas dan jaminan objektif bertujuan untuk menambah nilai dan meningkatkan tahap pematuhan berkaitan dengan operasi perniagaan IKI, dengan objektif utama untuk memastikan sistem yang kukuh dan berkesan sistem kawalan dalaman bagi pematuhan Syariah.
Pengurusan Risiko Syariah	Merujuk kepada fungsi untuk sistematik mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko ketidakpatuhan Syariah untuk mengurangkan sebarang kemungkinan kejadian ketidakpatuhan. Pendekatan secara sistematik untuk mengurus risiko ketidakpatuhan Syariah akan membolehkan IKI untuk meneruskan operasi dan aktiviti dengan berkesan tanpa mendedahkan IKI ke tahap yang tidak boleh diterima risiko.
Penyelidikan Syariah	Merujuk kepada kelakuan melaksanakan penyelidikan yang mendalam dan kajian mengenai isu-isu Syariah, termasuk menyediakan khidmat nasihat dan perundingan Syariah harian kepada pihak berkaitan, termasuk mereka yang terlibat dalam proses pembangunan produk.

Merujuk kepada **Jadual 1** di atas, keempat-empat organ Syariah mempunyai tanggungjawab yang khusus dalam menentukan sesuatu isu atau perkara adalah berpotensi patuh Syariah atau sebaliknya. Seperti yang digariskan dalam rangkakerja tersebut, setiap pegawai penilaian Syariah dan penyelidikan Syariah hendaklah mempunyai latar belakang atau kelulusan Syariah termasuklah mengambil subjek *fiqh* dan *uṣul fiqh* serta *qawā'id fiqhīyah*¹². Seperti yang dinyatakan dalam polisi “*Operational Risk Reporting Requirement - Operational Risk Integrated Online Network (ORION)*”, pegawai tersebut adalah dikenali sebagai Pegawai Syariah Berkelayakan atau “*Qualified Shariah Officer*” (QSO). Berikut ialah rajah kawalan dalaman Syariah yang diamalkan oleh BMMB, rujuk **Rajah 1**:

¹¹ *Ibid*, 22.

¹² *Ibid*, 22.



Rajah 1: Kawalan dalaman Syariah di BMMB¹³

Dalam dokumen polisi ORION, tugas utama QSO adalah untuk melaporkan sebarang kejadian berpotensi tidak patuh Syariah (*potential Shariah non-compliant event*) kepada Jawatankuasa Syariah¹⁴ melalui proses-proses yang akan dijelaskan secara terperinci selepas ini.

PENGURUSAN PENDAPATAN TIDAK PATUH SYARIAH MENURUT PANDANGAN BADAN BERKUASA AGAMA ISLAM NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA

Di Malaysia, perkara-perkara berkaitan hal ehwal agama Islam adalah tertakluk dibawah bidang kuasa kerajaan negeri, dan kebiasannya ia ditadbir urus oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Hal ini berdasarkan kepada perkara 74 Perlembagaan Persekutuan yang telah meletakkan urusan agama di bawah kuasa MAIN untuk negeri-negeri dan MAIWP bagi Wilayah Persekutuan termasuk Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Dalam Jadual Kesembilan (Perkara 74 dan 77), Senarai II – Senarai Negeri, Perlembagaan mengiktiraf penubuhan *baitulmāl* sebagai pemegang amanah harta bagi orang Islam¹⁵.

Selain itu, berdasarkan kepada fatwa-fatwa yang telah diwartakan di Malaysia, *baitulmāl* merupakan badan yang bertanggungjawab dalam menguruskan harta tidak patuh Syariah seterusnya mengagihkan harta tersebut kepada sesiapa yang memerlukan. Begitu juga dengan penubuhan *baitulmāl* serta peranannya. Menurut peruntukan Enakmen-enakmen negeri kebanyakannya menyatakan bahawa *baitulmāl* adalah berfungsi sebagai kumpulan wang¹⁶.

Oleh yang demikian, semua pendapatan tidak patuh Syariah adalah diuruskan oleh *baitulmāl* iaitu satu jabatan di bawah MAIN. Hal ini berdasarkan kepada keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan (JFMK) Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-87 yang bersidang pada 23 – 25 Jun 2009 yang telah membincangkan berkenaan Hukum Penyaluran Harta Tidak Patuh

¹³ Bank Muamalat Malaysia Berhad. (2017). Laporan Tahunan 2017. Kuala Lumpur: BMMB, 392.

¹⁴ Bank Negara Malaysia. (2017). *Operational Risk Reporting Requirement - Operational Risk Integrated Online Network (ORION)*. 35.

¹⁵ Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia. (2010). Perlembagaan Persekutuan. Kuala Lumpur: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia, 228-229.

¹⁶ *Ibid*, 104.

Syariah Ke *Baitulmāl* dan Institusi Islam Lain. Dalam mesyuarat tersebut JFMK telah membuat keputusan seperti berikut:

“Di dalam Islam harta-harta yang diperolehi dengan cara yang tidak mematuhi Syariah seperti riba, gharar, perjudian, penipuan, rompakan, rampasan, rasuah dan seumpamanya adalah haram dan tidak boleh digunakan untuk manfaat dan kepentingan diri sendiri serta perlu dibersihkan melalui kaedah-kaedah berikut:

- i. Diserah kepada *baitulmāl* untuk masalah-masalah umum umat Islam seperti membiayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas dan seumpamanya;
- ii. Diserah kepada golongan fakir miskin; atau
- iii. Jika harta tersebut merupakan harta rompak, curi dan seumpamanya, maka harta tersebut perlu diserahkan semula kepada pemiliknya. Jika pemiliknya telah meninggal dunia atau tidak dapat dijumpai, maka harta tersebut mestilah dikembalikan kepada ahli warisnya. Sekiranya tidak dapat diketahui pemilik atau ahli waris pemilik, maka harta tersebut hendaklah diserahkan kepada *baitulmāl*”.

Keputusan yang dibuat oleh JMFK di atas telah diterima pakai oleh beberapa Majlis Fatwa Negeri seperti Pahang¹⁷, Melaka¹⁸ dan Negeri Sembilan¹⁹. Negeri-negeri lain adalah seperti **Jadual 2** di bawah²⁰:

Jadual 2: Keputusan Mesyuarat Majlis Fatwa Negeri bagi hukum penyaluran harta tidak patuh Syariah²¹

Majlis Fatwa Negeri	Fatwa yang dikeluarkan
Kedah ²²	“Wang faedah bank boleh samada disalurkan ke <i>baitulmāl</i> atau dibelanjakan kepada jalan-jalan kebajikan am termasuk kebajikan kepada masjid”
Wilayah Persekutuan ²³	“Menerima faedah dari wang simpanan tetap dan simpanan biasa adalah haram hukumnya, wang itu hendaklah diserahkan kepada <i>baitulmāl</i> ”
Johor ²⁴	“Seperti harta yang tersebut itu hendaklah terlebih dahulu diserahkan kepada Baitulmal atau diserahkan kepada beberapa orang yang amanah dipercayai supaya dibelanjakan untuk masalah Islam.”
Terengganu ²⁵	“Sekiranya harta diperolehi daripada perkara yang haram seperti perjudian, arak atau riba, maka hakmilik harta ini telah berpindah kepada kemaslahatan umum. Ia hendaklah diserahkan kepada Baitulmal atau boleh juga diserahkan kepada golongan fakir miskin dan memerlukan atau diserah untuk masalah-masalah umum

¹⁷ Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Negeri Pahang Kali Ke-1/2009, pada 27 Februari 2009

¹⁸ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 Fatwa Di Bawah Seksyen 36. Jil. 54, No. 22, 28hb Oktober 2010

¹⁹ Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil. 4/1434H yang bersidang pada 25 Mac 2013.

²⁰ Semakan fatwa adalah dibuat berdasarkan kepada maklumat yang tersedia melalui laman sesawang Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

²¹ Keputusan mesyuarat adalah berdasarkan semakan penulis terhadap laman sesawang rasmi Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) seperti yang disenaraikan

²² Diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah dan dibukukan di dalam buku Himpunan Fatwa Negeri Kedah

²³ Diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Undang-Undang Islam Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan 1978

²⁴ Himpunan Fatwa Kerajaan Johor yang telah difatwakan oleh Allahyarham al-Allamah Dato’ Syed Alwi bin Tahir al-Haddad, Mufti Kerajaan Johor

²⁵ Diputuskan dalam Kemasyarakatan Agama Islam Portal Rasmi Mufti Negeri Terengganu

Majlis Fatwa Negeri	Fatwa yang dikeluarkan
Kelantan ²⁶	umat Islam seperti untuk membiayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas dan seumpamanya.” “Faedah yang datang daripada wang simpanan yang dibuat oleh orang-orang Islam perseorangan dalam mana-mana bank boleh diterima oleh orang itu, kerana kecemasan itu juga (kecemasan ekonomi orang-orang Islam pada masa ini) tetapi wang faedah itu hendaklah dimasukkan dalam <i>baitulmal</i> atau dibelanja untuk kegunaan masalah am.”
Perak ²⁷	Wang riba (faedah bank) boleh digunakan untuk perkara-perkara yang dianggap hina dan digunakan untuk kepentingan awam seperti membuat jalan, tandas, titi dan sebagainya. Jika berhasrat untuk didermakan kepada masjid pastikan duit itu digunakan untuk tujuan-tujuan yang berkenaan.
Selangor ²⁸	<ol style="list-style-type: none">i. Wang tidak patuh Syariah yang diperolehi boleh dijadikan sumber <i>baitulmal</i> dan harus dimasukkan ke dalam akaun <i>baitulmal</i>.ii. Penggunaan wang tidak patuh Syariah harus untuk kegunaan menjalankan operasi perjalanan kerja di MAIS seperti pembinaan, penyelenggaraan bangunan, emolumen, pendidikan, pertanian, penyelidikan, perubatan, kemudahan asas seperti pembinaan dewan, tandas, jambatan dan lain-lain untuk kegunaan umum.

Merujuk kepada fatwa yang dikeluarkan oleh MAIN seperti dalam **Jadual 2** di atas jelas menunjukkan bahawa mana-mana pendapatan atau harta haram yang diperolehi perlu diserahkan kepada pihak *baitulmal* MAIN masing-masing bagi pengurusan berikutnya.

PELAPORAN KEJADIAN DAN PENGURUSAN PENDAPATAN TIDAK PATUH SYARIAH MENURUT BANK NEGARA MALAYSIA

Kaedah pelaporan secara standard adalah baru diperkenalkan oleh BNM pada tahun 2013 iaitu melalui satu pekeliling yang telah dikeluarkan mengenai Laporan Ketidakpatuhan Syariah (*Shariah non-compliant Reporting*). Pekeliling tersebut kemudiannya telah digantikan dengan satu polisi baru iaitu “Operational Risk Reporting Requirement - Operational Risk Integrated Online Network” atau singkatannya ORION yang dikeluarkan pada tahun 2014.

Polisi ORION dikeluarkan adalah bertujuan untuk memperkemas lagi kaedah pelaporan bagi kejadian-kejadian tidak patuh Syariah yang berlaku dan berulang di setiap IKI. Setiap kejadian yang berlaku sama ada berpotensi (*potential Shariah non-compliant issue*) atau isu Syariah sebenar (*Shariah non-compliant issue*) perlu dilaporkan kepada BNM mengikut kaedah dan masa yang telah ditetapkan dalam polisi. Polisi ini seterusnya telah ditambah baik dan versi terbaharu telah dikeluarkan pada 3 Mei 2017 dan berkuatkuasa pada 31 Julai 2017.

Merujuk kepada dokumen polisi ORION terdapat dua jenis kejadian ketidakpatuhan *Syariah* iaitu sama ada kejadian berpotensi tidak patuh Syariah (*potential Shariah non-compliant event*) atau

²⁶ Diputuskan oleh S.S Dato’ Hj. Ismail bin Hj. Yusoff, Mufti Kelantan pada 4 Januari 1977 melalui soal jawab agama

²⁷ Diputuskan oleh Mufti Perak dalam soal jawab agama di internet di <http://mufti.perak.gov.my/kemusyiklan/zakathartapustaka.htm>

²⁸ Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Bil. 1/2009 yang diadakan pada 18 Mac 2009.

kejadian tidak patuh Syariah sebenar (*actual Shariah non-compliant event*)²⁹. Kedua-dua kejadian ini perlu dilaporkan kepada BNM mengikut proses-proses yang ditetapkan di dalam polisi.

Seterusnya, BNM dalam Piawai Laporan Kewangan bagi Institusi Perbankan Islam telah menggariskan bahawa setiap IKI perlu melaporkan maklumat berikut dalam laporan kewangan tahunannya³⁰:

- i. jenis kejadian tidak patuh Syariah,
- ii. jumlah pendapatan tidak patuh Syariah,
- iii. bilangan kejadian tidak patuh Syariah yang berlaku pada tahun semasa; dan
- iv. proses pembetulan dan langkah kawalan untuk mengelakkan kejadian tidak patuh Syariah berulang.

Selain itu, IKI perlu mendedahkan sumber sumbangan/ dana amal (contohnya jumlah penalti (*gharamah*), pendapatan tidak patuh Syariah, dana pemegang saham) dan penggunaan dana tersebut (contohnya pengagihan kepada golongan miskin, dana pendidikan dan sebagainya)³¹.

Kejadian berpotensi tidak patuh Syariah (potential Shariah non-compliant event)

Dokumen polisi ORION mendefinisikan kejadian berpotensi tidak patuh Syariah sebagai apa-apa kejadian ketidakpatuhan Syariah ditemui dan disahkan oleh QSO tetapi belum mendapat keputusan daripada Jawatankuasa Syariah. **Jadual 3** berikut merupakan kaedah pelaporan bagi kejadian berpotensi tidak patuh Syariah:

Jadual 3: Kaedah pelaporan kejadian berpotensi tidak patuh Syariah

Perkara	Keterangan
Laporan kepada ORION	Setelah sesuatu kejadian disahkan oleh QSO, IKI perlu melaporkan kejadian tersebut kepada BNM melalui sistem ORION dalam masa satu hari bekerja.
Laporan kepada Jawatankuasa Syariah	Kejadian tersebut perlu dibentangkan kepada Jawatankuasa Syariah dalam masa 14 hari selepas pengesahan oleh QSO.
Keperluan mesyuarat Khas	Sekiranya tiada mesyuarat berjadual yang akan diadakan dalam masa 14 hari, IKI perlu mengadakan mesyuarat khas (boleh mengandungi korum minimum mesyuarat) khusus untuk membincangkan perkara tersebut
Tiada serahan laporan	Sekiranya tidak ada pelaporan kejadian berpotensi tidak patuh Syariah oleh IKI untuk sebarang tempoh tertentu, ini dianggap sebagai perisytiharan bahawa tidak ada peristiwa berpotensi tidak patuh Syariah di IKI dalam tempoh tersebut.

Kejadian tidak patuh Syariah sebenar (actual Shariah non-compliant event)

Kejadian tidak patuh Syariah sebenar ialah sesuatu kejadian yang disahkan tidak patuh Syariah oleh Jawatankuasa Syariah IKI³². **Jadual 4** merupakan kaedah pelaporan bagi kejadian tidak patuh Syariah sebenar:

²⁹ Bank Negara Malaysia. (2017). *Operational Risk Reporting Requirement - Operational Risk Integrated Online Network*, 35-36.

³⁰ Bank Negara Malaysia. (2016). *Financial Reporting for Islamic Banking Institutions*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 11.

³¹ *Ibid*, 15.

³² Bank Negara Malaysia. (2017). *Operational Risk Reporting Requirement - Operational Risk Integrated Online Network*, 36.

Jadual 4: Kaedah pelaporan kejadian tidak patuh Syariah sebenar

Perkara	Keterangan
Laporan kepada ORION	IKI hendaklah melaporkan sebarang kejadian tidak patuh Syariah sebenar kepada ORION dalam tempoh 1 hari bekerja dari tarikh pengesahan Jawatankuasa Syariah.
Pelan pembetulan	IKI hendaklah mengemukakan kepada ORION pelan pembetulan seperti yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Syariah dalam tempoh 30 hari dari tarikh laporan kejadian tidak patuh Syariah sebenar kepada BNM.
Keperluan mesyuarat khas Lembaga Pengarah	Sekiranya tidak ada mesyuarat Lembaga Pengarah yang akan diadakan dalam tempoh 30 hari, IKI dikehendaki mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah khas (mungkin terdiri daripada minimum kuorum yang diperlukan) untuk mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah mengenai pelan pembetulan sebelum dikemukakan kepada BNM.
Langkah pemulihan	IKI hendaklah mengambil langkah pemulihan yang sesuai atau langkah susulan untuk menyelesaikan kejadian tidak patuh Syariah sebenar dan mekanisme kawalan untuk mengelak kejadian daripada berulang. Fakta terkini dan tindakan yang diambil ke atas setiap kejadian perlu dikemas kini dalam ORION.

Pengurusan pendapatan tidak patuh Syariah menurut BNM

Bagi pengurusan pendapatan tidak patuh Syariah, BNM tidak menetapkan apa-apa polisi khusus dalam pengurusan penyaluran pendapatan tidak patuh Syariah, walau bagaimanapun terdapat satu kaedah yang dinyatakan di dalam Garis Panduan Caj Bayaran Lewat untuk Institusi Kewangan Islam (*Guidelines on Late Payment Charges for Islamic Financial Institutions*) yang dikeluarkan oleh BNM pada tahun 2013. Garis Panduan tersebut menyatakan sebarang bayaran yang terhasil daripada caj *gharāmah* adalah diklasifikasikan sebagai pendapatan tidak patuh Syariah dan pendapatan tersebut perlu disalurkan kepada badan-badan kebajikan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah IKI masing-masing³³. Oleh yang demikian, difahami mana-mana pendapatan yang terhasil daripada kejadian tidak patuh Syariah yang disahkan oleh Jawatankuasa Syariah perlu disalurkan kepada badan-badan kebajikan seperti yang disarankan oleh BNM.

PELAPORAN KEJADIAN BERPOTENSI DAN KEJADIAN TIDAK PATUH SYARIAH SEBENAR DI BMMB

Pelaporan merupakan satu perkara penting dalam sesebuah organisasi dalam memaklumkan sesuatu penemuan atau hasil daripada sesuatu aktiviti yang dijalankan. Bagi sesebuah IKI yang menjalankan perniagaan kewangan patuh Syariah proses semakan dan penilaian perlu dijalankan secara terperinci dan berkala bagi memastikan keseluruhan urusan yang dijalankan adalah mematuhi prinsip-prinsip Syariah yang ditetapkan. Justeru itu, keempat-empat fungsi organ Syariah perlu memainkan peranan penting dalam membuat sesuatu proses penasihat, semakan, penilaian, pengurusan risiko atau audit Syariah.

Tidak terhad kepada proses penilaian dan audit Syariah yang dijalankan, unit-unit perniagaan hendaklah sentiasa peka terhadap sesuatu isu yang berlaku dan seterusnya memajukan isu-isu


³³ Bank Negara Malaysia. (2013). *Guidelines on Late Payment Charges for Islamic Financial Institutions*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 8.

tersebut kepada Jabatan Syariah bagi tindakan selanjutnya. Bagi membincangkan secara terperinci proses pelaporan kejadian berpotensi dan tidak patuh Syariah sebenar di BMMB berikut ialah proses-proses yang terlibat:

Melalui pertanyaan isu harian oleh unit-unit perniagaan dan sokongan³⁴

Unit-unit perniagaan seperti bahagian perbankan konsumer, perniagaan, pelaburan, perbendaharaan dan sebagainya merupakan bahagian terpenting kepada sesebuah IKI dan bahagian tersebut merupakan penyumbang kepada keuntungan sesebuah IKI. Tidak terkecuali, unit-unit sokongan turut terlibat dalam proses sokongan perniagaan dalam sesebuah IKI seperti Jabatan Syariah, Undang-Undang, Pematuhan, Kewangan, Pembangunan Produk, Penilaian Kredit dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, unit perniagaan adalah terlibat secara langsung untuk bertemu dengan pelbagai jenis latar belakang pelanggan dan juga perniagaan yang dijalankan. Oleh yang demikian, pelanggan-pelanggan tersebut serta jenis perniagaan yang dijalankan merupakan perkara asas dan pra-syarat yang dinilai sebelum sesuatu pembiayaan diluluskan. Selain itu, kesilapan dan kecuaihan kakitangan dalam melaksanakan proses yang betul turut menyumbang kepada berlakunya isu-isu ketidakpatuhan Syariah. Carta alir di bawah (**Rajah 2**) merupakan proses yang dilakukan oleh BMMB dalam menyelesaikan isu yang dimajukan oleh unit-unit perniagaan kepada Jabatan Syariah.



Rajah 2: Carta alir proses pertanyaan isu dan kaedah pelaporan kejadian berpotensi tidak patuh Syariah melalui pertanyaan isu harian


³⁴ Pegawai Syariah BMMB, dalam temubual bersama penulis, 3 November 2017.

Perjalanan proses-proses dalam carta alir di atas hendaklah mengikut tempoh masa pelaporan seperti yang ditetapkan oleh BNM dalam dokumen polisi ORION seperti yang dihuraikan dalam **Jadual 3** dan **4**.

Melalui semakan dan penilaian oleh Unit Pematuhan Syariah dan Unit Audit Syariah³⁵

Semakan oleh Unit Pematuhan atau Audit Syariah adalah perkara biasa dalam sesebuah IKI. Proses semakan dan penilaian ini dijalankan bagi menyemak status pemakaian keputusan Jawatankuasa Syariah yang dibuat terhadap sesuatu produk dan perkhidmatan serta kepatuhan terhadap dokumen-dokumen polisi dan resolusi Syariah yang dikeluarkan oleh pengawal selia. Proses ini juga adalah bertujuan untuk memberi jaminan kepada Jawatankuasa Syariah terhadap tahap pematuhan kepada Syariah bagi sesebuah IKI.

Proses semakan dan penilaian yang dijalankan oleh kedua-dua unit tersebut adalah sama ada secara berkala seperti yang dirancang di dalam pelan semakan dan penilaian tahunan atau disebabkan oleh permintaan daripada Jawatankuasa Syariah atau Pihak Pengurusan bagi isu-isu berpotensi Syariah yang memerlukan kepada semakan dan penilaian segera. Berikut ialah carta alir (**Rajah 3**) bagi proses semakan dan penilaian oleh Unit Pematuhan Syariah dan Unit Audit Syariah:



Rajah 3: Carta alir proses semakan dan penilaian oleh Unit Pematuhan dan Unit Audit Syariah

Perjalanan proses-proses dalam carta alir di atas hendaklah mengikut tempoh masa pelaporan seperti yang ditetapkan oleh BNM dalam dokumen polisi ORION seperti yang dihuraikan dalam **Jadual 3** dan **4** di atas.

Melalui pelaporan berkala oleh ejen risiko yang dilantik (appointed risk agent)³⁶


Kaedah pelaporan berkala bagi mana-mana kejadian yang berkaitan dengan Syariah di BMMB dibuat pada setiap bulan iaitu sebelum atau pada enam haribulan yang mana keseluruhan cawangan dan

³⁵ Pegawai Pematuhan dan Audit Syariah BMMB, dalam temubual bersama penulis, 17 & 24 November 2017.

³⁶ Pegawai Pengurusan Risiko *Syari'ah*, dalam temubual bersama penulis, 10 November 2017.

jabatan di ibu pejabat melalui ejen risiko yang dilantik (*appointed risk agent*) perlu menyerahkan laporan dan pengakusaksian (*attestation*) kepada Seksyen Pengurusan Risiko Syariah (SPRS) di Jabatan Pengurusan Risiko sama ada terdapat sebarang kejadian berpotensi tidak patuh Syariah atau tidak (*NIL report*). Pelaporan ini adalah dibuat atas kesedaran cawangan dan jabatan terhadap apa-apa isu yang didapati berlaku sebagai isu berpotensi tidak patuh Syariah sebelum proses penilaian atau audit Syariah dijalankan oleh unit-unit yang berkaitan.

Setelah kesemua laporan dihantar, SPRS akan menyemak laporan-laporan tersebut dan sekiranya terdapat isu-isu yang berkaitan dengan Syariah, SPRS akan memajukan isu tersebut kepada Jabatan Syariah bagi tindakan seterusnya. Di Jabatan Syariah, isu tersebut akan disemak sama ada isu yang dilaporkan adalah isu berpotensi tidak patuh Syariah atau hanya melibatkan isu operasi. Sekiranya dapat disahkan laporan isu berpotensi tidak patuh Syariah, Jabatan Syariah akan memajukan isu tersebut kepada Unit Penilaian Syariah di bawah Jabatan Pematuhan untuk proses penilaian yang selanjutnya. Berikut ialah carta alir (**Rajah 4**) bagi pelaporan berkala oleh ejen risiko yang dilantik:



Rajah 4: Pelaporan berkala oleh ejen risiko yang dilantik (*appointed risk agent*)

Proses-proses yang dinyatakan ini merupakan praktis standard BMMB dan telah dimasukkan dalam prosedur operasi standard setiap jabatan dan juga polisi dalaman Bank untuk dipatuhi oleh kesemua kakitangan.

KEJADIAN DAN JUMLAH PENDAPATAN TIDAK PATUH SYARIAH YANG DILAPORKAN DI BMMB

BMMB telah mula melaporkan kejadian serta pendapatan tidak patuh Syariah dalam laporan kewangannya sejak tahun 2011. Tujuan pelaporan ini dibuat adalah untuk memastikan ketelusan BMMB dalam membuat pelaporan sebenar bagi sesuatu kejadian dan juga pendapatan tidak patuh Syariah yang diperolehinya. Merujuk kepada laporan tahunan kewangan dan temubual bersama

dengan kakitangan di Bahagian Kewangan BMMB bagi tahun kewangan berakhir 2011 hingga 2017, terdapat laporan kutipan hasil daripada pendapatan tidak patuh Syariah yang telah diperolehi daripada aktiviti-aktiviti berikut, rujuk **Jadual 5**:

Jadual 5: Jumlah pendapatan dan kejadian tidak patuh Syariah di Bank Muamalat Malaysia Berhad dari tahun 2013-2017

Tahun	Jumlah Pendapatan Tidak Patuh Syariah	Kejadian-kejadian tidak patuh Syariah yang dilaporkan
2011 ³⁷	RM186,092	Faedah yang diterima daripada akaun nostro
2012 ³⁸	RM392,175	Faedah yang diterima daripada akaun nostro
2013 ³⁹	RM63,816	<ul style="list-style-type: none"> • Satu kejadian tidak patuh Syariah dilaporkan berlaku • Faedah yang diterima daripada akaun nostro
	RM340,547	Pendapatan <i>shubbah</i> - dana yang tidak diiktiraf seperti lebihan tunai di kaunter, mesin juruwang automatik (<i>automated teller machines</i>) dan baki kredit yang tidak dikenal pasti.
2014 ⁴⁰	RM376,210	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada kejadian tidak patuh Syariah dilaporkan berlaku • Pendapatan <i>shubbah</i> - dana yang tidak diiktiraf seperti lebihan tunai di kaunter, mesin juruwang automatik (<i>automated teller machines</i>) dan baki kredit yang tidak dikenal pasti. • Faedah yang diterima daripada akaun nostro
2015 ⁴¹	RM44,170	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada kejadian tidak patuh Syariah dilaporkan berlaku • Pendapatan <i>shubbah</i> - dana yang tidak diiktiraf seperti lebihan tunai di kaunter, mesin juruwang automatik (<i>automated teller machines</i>) dan baki kredit yang tidak dikenal pasti. • Faedah yang diterima daripada akaun nostro
2016 ⁴²	RM34,722	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada kejadian tidak patuh Syariah dilaporkan berlaku • Pendapatan <i>shubbah</i> - dana yang tidak diiktiraf seperti lebihan tunai di kaunter, mesin juruwang automatik (<i>automated teller machines</i>) dan baki kredit yang tidak dikenal pasti. • Faedah yang diterima daripada akaun nostro
2017 ⁴³	RM217.25	<ul style="list-style-type: none"> • Faedah yang diterima daripada akaun nostro • Satu kejadian tidak patuh Syariah dilaporkan berlaku • Faedah yang diterima daripada akaun nostro
	RM80,447	Pendapatan <i>shubbah</i> - dana yang tidak diiktiraf seperti lebihan tunai di kaunter, mesin juruwang automatik (<i>automated teller machines</i>) dan baki kredit yang tidak dikenal pasti.

³⁷ Bank Muamalat Malaysia Berhad. (2011). Laporan Kewangan 2011. Kuala Lumpur: BMMB, 248.

³⁸ Bank Muamalat Malaysia Berhad. (2012). Laporan Kewangan 2012. Kuala Lumpur: BMMB, 280.


³⁹ Bank Muamalat Malaysia Berhad. (2013). Laporan Kewangan 2013. Kuala Lumpur: BMMB, 359.

⁴⁰ Bank Muamalat Malaysia Berhad. (2014). Laporan Kewangan 2014. Kuala Lumpur: BMMB, 355.

⁴¹ Bank Muamalat Malaysia Berhad. (2015). Laporan Kewangan 2015. Kuala Lumpur: BMMB, 359.

⁴² Bank Muamalat Malaysia Berhad. (2016). Laporan Kewangan 2016. Kuala Lumpur: BMMB, 379.

⁴³ Bank Muamalat Malaysia Berhad. (2017). Laporan Kewangan 2017. Kuala Lumpur: BMMB, 379.



Rajah 5: Jumlah Pendapatan tidak patuh Syariah BMMB 2011-2017

Berdasarkan kepada Laporan Kewangan BMMB dari tahun 2011 hingga 2017 seperti yang dijelaskan dalam **Jadual 5** terdapat kejadian tidak patuh Syariah berlaku pada tahun 2013 dan 2017 dan kejadian tersebut melibatkan kerugian kewangan iaitu pada tahun 2013 berjumlah RM63,816 dan pada tahun 2017 sebanyak RM217.25. Walau bagaimanapun jenis kejadian tidak dinyatakan secara terperinci dalam laporan tersebut.


Jumlah pendapatan tidak patuh Syariah dari tahun 2011 hingga 2013 adalah tinggi disebabkan pendapatan pada tahun-tahun sebelumnya tidak diagih berikutan tidak terdapat garis panduan khusus bagi penyaluran pendapatan tidak patuh Syariah sehinggalah BNM mengeluarkan Garis Panduan Caj Lewat Bayar⁴⁴ dan Laporan Ketidapatuhan Syariah (*Shariah non-compliant Reporting*) pada tahun 2013. Seterusnya, bagi memastikan pendapatan tidak patuh Syariah disalurkan mengikut kaedah yang betul dan standard, BMMB telah mewujudkan satu polisi dalaman serta prosedur operasi standard (*Standard Operating Procedures* [SOP]) khusus untuk pengurusan dan penyaluran pendapatan tidak patuh Syariah. Dengan kewujudan polisi dan SOP tersebut ianya dapat memudahkan proses penyaluran dan pelaporan dibuat.

Jumlah pendapatan dan kejadian tidak patuh Syariah yang dilaporkan di dalam laporan tahunan Bank adalah disahkan benar oleh Jawatankuasa Syariah melalui pengakusaksian yang dibuat oleh Pengerusi Jawatankuasa Syariah Bank setelah ianya dibentangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Syariah. Jawatankuasa juga turut membuat perakuan bagi menyatakan keseluruhan aktiviti dan operasi harian Bank adalah mematuhi segala keperluan-keperluan Syariah yang telah ditetapkan. Laporan yang disediakan adalah berdasarkan kepada contoh Laporan Jawatankuasa Syariah seperti yang ditetapkan oleh BNM seperti yang dilampirkan dalam Rangka kerja Tadbir Urus Syariah 2010.

⁴⁴ Pegawai Kewangan BMMB, dalam temubual bersama penulis, 15 Disember 2017.

PENGURUSAN PENDAPATAN TIDAK PATUH SYARIAH DI BMMB

Setiap pendapatan haram atau tidak patuh Syariah perlu diuruskan mengikut kaedah yang telah ditetapkan. Salah satu kaedah adalah dengan menyerahkan pendapatan tersebut kepada *Baitulmal* seperti yang difatwakan oleh MAIN⁴⁵. Bagi memudahkan orang ramai menguruskan pendapatan atau harta tidak patuh Syariah yang diperolehi, pihak Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji atau JAWHAR telah mengeluarkan satu manual khusus bagi penyaluran pendapatan atau harta tidak patuh Syariah iaitu Manual Pengurusan Harta *Syubbah*. Prosedur ini boleh digunapakai oleh orang awam dan juga institusi-institusi yang terlibat dalam menerima dana-dana tidak patuh Syariah. Berikut ialah proses penyaluran harta *syubbah* atau hasil aktiviti tidak patuh Syariah yang dicadangkan seperti **Rajah 6** di bawah:




Rajah 6: Proses penyaluran harta *syubbah* atau hasil aktiviti tidak patuh Syariah⁴⁶

Berbeza dengan proses yang diaplikasi di BMMB, mana-mana pendapatan tidak patuh Syariah yang diperolehi adalah diuruskan oleh BMMB sendiri tanpa menyerahkan pendapatan tersebut kepada pihak *baitulmal*. Kelulusan penggunaan dan penyaluran dibuat oleh satu jawatankuasa khas diperingkat Bank iaitu Jawatankuasa Tabung Mawaddah (JTM) setelah mendapat keputusan daripada Jawatankuasa Syariah berkaitan sesuatu isu yang disahkan sebagai tidak patuh Syariah sebenar. Berikut ialah proses-proses yang terlibat dalam mengurus dan menyalurkan pendapatan tidak patuh Syariah yang diaplikasi di BMMB seperti **Rajah 7** di bawah:

⁴⁵ Rujuk Jadual 2.

⁴⁶ Jabatan Wakaf Zakat dan Haji. (2009). Manual Pengurusan Harta Syubbah. Putrajaya: JAWHAR, 27.



Rajah 7: Carta alir proses pengurusan pendapatan tidak patuh Syariah di BMMB⁴⁷

Bagi penyaluran pendapatan tidak patuh Syariah, BMMB telah mengagihkan sejumlah RM559,440.64 daripada pendapatan untuk digunakan bagi aktiviti masalah umum. Berikut ialah pecahan agihan dari tahun 2011 hingga 2017. Rujuk **Jadual 6**.

Jadual 6: Jumlah agihan pendapatan tidak patuh Syariah oleh BMMB dari tahun 2011 hingga 2017⁴⁸


Tujuan	Jumlah Agihan (RM)
Pembelian pam air di Kemboja	48,000
Membaiki rumah golongan fakir/ miskin di Kemboja	30,000
Membiayai kos membuat jambatan di Kemboja	12,000
Membiayai kos membuat jalan di Kampung Muslim Umum Kemboja	12,500
Bantuan makanan dan keperluan harian untuk digunakan oleh mangsa-mangsa banjir di Pantai Timur	66,999.09
Sumbangan pembangunan sekolah agama di Kelantan	50,000.00
Sumbangan pembangunan sekolah agama di Kemboja	241,087.50
Bantuan makanan dan keperluan harian untuk digunakan oleh mangsa-mangsa banjir serta pembangunan utiliti asas di Bosnia	55,000.00
Sumbangan bagi pembinaan 10 buah kelas pengajian Ma'ahad Tahfiz Qur'an di Pakistan	43,854.05
Jumlah Keseluruhan	559,440.64

Rajah 8 di bawah menunjukkan sebanyak 70 peratus daripada jumlah agihan atau RM389,941.55 adalah diperuntukkan bagi tujuan pendidikan manakala baki 30 peratus atau RM169,499.09 diperuntukkan bagi pembangunan kemudahan awam.

⁴⁷ Pegawai Dakwah, Wakaf dan Zakat BMMB, dalam temubual bersama penulis, 8 Disember 2017.

⁴⁸ *Ibid.*

**Peratusan agihan pendapatan tidak patuh
Syariah mengikut Sektor**



Rajah 8: Jumlah agihan pendapatan tidak patuh Syariah BMMB 2011-2017 mengikut sektor

KESIMPULAN

Harta tidak patuh Syariah adalah hak milik kemaslahatan umum dan ianya perlu digunakan atau diagihkan untuk kegunaan semua dan tidak terhad kepada golongan tertentu sahaja. Perkara ini juga jelas dibincangkan oleh hampir semua majoriti fuqaha termasuk juga institusi fatwa dan ulama kontemporari.

Majlis Fiqh Antarabangsa OIC, Majlis Fatwa Eropah, *Majma' Bubuth* Mesir dan Majlis Fatwa kebangsaan Malaysia telah bersepakat untuk membolehkan harta tidak patuh Syariah ini digunakan untuk kemaslahatan umum. Harta tidak patuh Syariah ini boleh diagihkan kepada faqir, miskin atau digunakan untuk masalah umum seperti pembinaan sekolah, infrastruktur awam dan sebagainya⁴⁹.

Ulama mazhab Ḥanafī⁵⁰, Maliki⁵¹ dan Syafi'i⁵² juga berpandangan bahawa harta tidak patuh Syariah boleh digunakan untuk pembangunan dan kegunaan yang memberi manfaat kepada umum serta kepada faqir miskin menurut budi bicara pemerintah. Bahkan Imām al-Ghazālī juga berpandangan harta tidak patuh Syariah ini haram bagi pemiliknya tetapi ia boleh digunakan oleh fakir miskin⁵³. Ini secara jelas disokong oleh Yūsuf al-Qarādāwī yang berpandangan bahawa harta tidak patuh Syariah tidak boleh menjadi hak milik pemiliknya tetapi ianya perlu disedekahkan kepada fakir miskin atau didermakan kepada projek-projek kebaikan untuk kemaslahatan umum⁵⁴.

Pengurusan dan penyaluran pendapatan tidak patuh Syariah adalah berbeza-beza dan ianya mengikut kelulusan atau pendekatan yang diambil oleh Jawatankuasa Syariah IKI masing-masing. Para ulama mempunyai pandangan yang pelbagai dalam hal menguruskan harta haram atau tidak patuh Syariah seperti yang dijelaskan sebelum ini. Berdasarkan kepada pandangan-pandangan fukaha, penulis berpandangan beberapa kaedah dan pendekatan yang boleh diambil untuk menguruskan wang atau pendapatan tidak patuh Syariah seperti berikut:

⁴⁹ Zaharuddin Abdul Rahman. (2010). Perluakah Memulangkan Wang Sumbangan Kerana Ia Hasil Judi? <http://www.zaharuddin.net/senarai-lengkap-artikel/3/963-memulangkan-wang-sumbangan-kerana-ia-hasil-judi-.html>. Dilihat pada 28 Jun 2018.

⁵⁰ Mahmud, A. (t.t). *Al-Ikhtiyār li ta'āl al-Mukhtār*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, jil. 3, 61.

⁵¹ Al-Qarafi, S., A. (1994). *Al-Dhakhīrah*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, cet. 1, 69.

⁵² Al-Nawāwī. (t.t). *Kitāb al-Majmū'*. Arab Saudi: Maktabah al-Irsyād, jil. 9, 428.

⁵³ Al-Ghazālī. (2005). *Ihya' 'ulūm al-Dīn*. Beirut: Dār Ibn Ḥazmi, 212.

⁵⁴ Al-Qarādāwī. (2007). *Fatāwa Mu'aṣirah*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 606.

Kaedah Perbelanjaan	Cadangan Agensi
Membuat jambatan	Jabatan Kerja Raya Malaysia
Membuat jalan raya	Jabatan Kerja Raya Malaysia
Tandas awam	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
Pembinaan terusan atau tali air	Jabatan Pengairan dan Saliran
Bangunan-bangunan untuk kegunaan orang awam seperti pondok menunggu, balai raya dan sebagainya	Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah
Membantu golongan fakir dan miskin	Jabatan Kebajikan Masyarakat/ Pusat Zakat Negeri
Anak-anak yatim	Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim seluruh negara
Perkembangan dakwah Islam	Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM)
Pembinaan masjid dan pusat-pusat Islam	Majlis Agama Islam Negeri/ Jabatan Agama Islam Negeri
Disalurkan kepada badan kebajikan dan NGO-NGO yang melakukan kerja-kerja kebajikan	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)

Walau bagaimanapun pendekatan yang diambil oleh BMMB adalah dengan menyalurkan pendapatan tidak patuh Syariah yang diperolehi bagi tujuan kemaslahatan umum seperti pembinaan sekolah, infrastruktur awam dan sebagainya.

RUJUKAN

- Al-Bāz, A. (2004). *Aḥkām al-Māl al-Ḥarām wa Dhawābitu al-Intifa' wa at-Tasharruf bihi fī al-Fiqh al-Islāmī*. Urdun: Dār Nafāis.
- Al-Ghazālī. (2005). *Ihya' 'ulūm al-Dīn*. Beirut: Dār Ibn Ḥazmi.
- Al-Jauziyyah Ibn Qayyim al-Jauziyyah. (1423h). *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rab al-'Alamīn*. Arab Saudi: Dār Ibn Jauzi, cet. 1, Jil. 3.
- Al-Nawāwi. (t.t). *Kitāb al-Majmū'*. Arab Saudi: Maktabah al-Irsyād, Jil. 9.
- Al-Qaradāwi, Y. (2012). *Al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fī al-Islām*. Cet. 1. Mesir: Dār al-Kutub al-Misriyyah.
- Al-Qaradāwi, Y. (2007). *Fatāwa Mu'āṣirah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qarafī, S., Ahihabuddin bin Ahmad al-Qarafī. (1994). *Al-Dhakhīrah*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, cet. 1.
- Al-Utsaimin, M., SMuhammad bin Soleh al-Utsaimin. (1425h). *Al-Syarḥ al-Mumtī'*. Arab Saudi: Dār Ibn Jauzi, jil. 9.
- Bank Muamalat Malaysia Berhad. (2011). Laporan Tahunan 2011. Kuala Lumpur: BMMB.
- Bank Muamalat Malaysia Berhad. (2012). Laporan Tahunan 2012. Kuala Lumpur: BMMB.
- Bank Muamalat Malaysia Berhad. (2013). Laporan Tahunan 2013. Kuala Lumpur: BMMB.
- Bank Muamalat Malaysia Berhad. (2014). Laporan Tahunan 2014. Kuala Lumpur: BMMB.
- Bank Muamalat Malaysia Berhad. (2015). Laporan Tahunan 2015. Kuala Lumpur: BMMB.
- Bank Muamalat Malaysia Berhad. (2016). Laporan Tahunan 2016. Kuala Lumpur: BMMB.
- Bank Muamalat Malaysia Berhad. (2017). Laporan Tahunan 2017. Kuala Lumpur: BMMB.
- Bank Negara Malaysia. (2011). *Shari'ah Governance Framework for Islamic Finance*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Bank Negara Malaysia. (2013). *Guidelines on late payment charges for Islamic financial institutions*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.

- Bank Negara Malaysia. (2014). *Operational risk reporting requirement - Operational risk integrated online network*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Bank Negara Malaysia. (2016). *Financial reporting for Islamic banking institutions*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Dusuki, A. W., Mahbubi, M. A. & Hussain, L. (2012). *A framework for Islamic financial institutions to deal with shariah non-compliant transactions*. Kuala Lumpur: ISRA
- Jabatan Wakaf Zakat dan Haji. (2009). *Manual pengurusan harta syubhab*. Putrajaya: JAWHAR.
- Mahmud, Abdullah bin Mahmud. (t.t). *Al-Ikhtiyār li ta'āl al-Mukhtār*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Jil. 3.
- Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia. (2010). *Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia.
- Yasīn, N. (2016). *Qaḍāya Zakawīyyah Mubāḍarah*. Urdun: Dār Nafāis.
- Abdul Rahman, Zaharuddin. (2010). *Perlukah memulangkan wang sumbangan kerana ia hasil judi?* Retrieved from <http://www.zaharuddin.net/senarai-lengkap-artikel/3/963-memulangkan-wang-sumbangan-kerana-ia-hasil-judi-.ht>.

Received Date: 10th July 2018

Acceptance Date: 29th October 2018